



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حياتنا خير احوالنا اكمالنا اسلامنا شانهنا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

10 JAMADILAWAL 1445H/ 24 NOVEMBER 2023M

KELUARGA HARMONI NEGARA MADANI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN Negeri Sabah)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 20/11/2023

PEGAWAI PENYEMAK: MUHAMMAD HAFIZH BIN MOHD MURSA
Pendaftar Kanan
Pernikahan, Perceraian dan Ruju'
Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 22/11/23

DIBACA PADA :

DILULUSKAN OLEH :

ADAM BIN ABDUL HAJ
KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informas
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَنِينَ وَحَفَدَةً
وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ أَفَبَالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ اللَّهِ هُمْ يَكْفُرُونَ (النحل:16:72)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH

Marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan suruhannya dan menjauhi segala larangannya. Mudah-mudahan dengan keimanan dan ketaqwaan, kita menjadi insan yang soleh serta memperoleh kebaikan dan keberkatan di dunia dan di akhirat.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk **“Keluarga Harmoni, Negara Madani”**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH

Di dalam Islam, permulaan sesebuah keluarga adalah melalui sebuah perkahwinan yang dituntut oleh syariat yang juga merupakan sunnah Rasulullah SAW. Melalui ikatan perkahwinan, nasab keturunan manusia dapat dipelihara, seterusnya melahirkan generasi umat manusia selaku khalifah Allah di muka bumi ini. Sudah menjadi kewajipan seseorang muslim membina keluarga yang bahagia dan bertakwa kepada Allah SWT bagi mendapat keberkatan di dunia dan akhirat. Sepertimana khatib telah bacakan ayat pada permulaan khutbah ini menerusi Surah an-Nahl ayat 72:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَنِينَ
وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِئَعْمَتِ اللَّهِ هُمْ يَكْفُرُونَ



Maksudnya: “Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda yang baik lagi halal; maka patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?.”

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI

Dalam membincangkan pembinaan sesebuah negara, keluarga merupakan asas kepada pembentukan masyarakat yang berilmu dan bertamadun. Oleh itu, unit asas inilah yang menjamin kesinambungan dalam melahirkan generasi yang berkualiti seterusnya membina negara yang sejahtera.

Setiap unit keluarga itu ibarat sebuah bata yang tersusun bersama-sama batu-bata yang lain untuk menjadi sebuah bangunan yang besar, teguh dan megah berdiri. Perumpamaan ini selari dengan sebuah hadis yang diriwayatkan al-Bukhari yang bermaksud:

“Seorang mukmin terhadap seorang mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan yang bahagian-bahagiannya menguatkan antara satu sama lain.”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN

Pada setiap bulan November, kerajaan telah merangka sambutan bulan keluarga kebangsaan yang bertemakan “**Keluarga Harmoni, Negara MADANI**”. Mengangkat tema yang mengutamakan penerapan elemen kasih sayang dan perpaduan, ia turut membawa nilai keihisan dengan saling hormat menghormati dan bertoleransi agar dapat membentuk masyarakat ke arah matlamat pembinaan negara Malaysia MADANI.

Sambutan ini juga antara lain bertujuan menggembelng peranan dan komitmen semua pihak terhadap usaha perpaduan negara dengan memupuk nilai-nilai murni selari dengan jajaran nilai teras Malaysia MADANI. Justeru, pada tahun ini Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan akan memfokuskan kepada lima teras keluarga bahagia iaitu KASIH yang merangkumi Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Berilmu dan Harmoni.

Kasih sayang yang dituntut oleh Islam berpaksikan kepada keimanan kepada Allah SWT dan rukun Iman, serta dibuktikan melalui amal soleh. Hal ini bermaksud, kasih sayang kepada makhluk perlu bersandarkan kepada kasih sayang Allah SWT dan bukan mengikut tuntutan nafsu. Sifat kasih sayang merupakan fitrah semula jadi yang Allah SWT kurniakan dalam naluri insan. Naluri kasih sayang ini diterjemahkan dalam

hubungan kekeluargaan di antara suami isteri, anak-anak, adik-beradik dan saudara-mara yang saling berkasih sayang.

Malah, dalam hubungan kemasyarakatan, kasih sayang sesama jiran dan sahabat handai juga dapat menyemai sifat saling menghormati dan saling membantu antara satu sama lain.

Pembentukan akhlak yang baik seperti hormat menghormati, tolong-menolong, jujur, amanah, bertanggungjawab dan adil haruslah menjadi amalan dalam keluarga. Ibu bapa yang bertanggungjawab perlu memberi bimbingan kepada anak-anak seperti mendidik anak-anak agar menghormati ahli keluarga yang lebih tua, sentiasa bersikap jujur sesama ahli keluarga, suka tolong menolong dan mengamalkan sifat-sifat *mahmudah* dalam institusi keluarga. Sesungguhnya Islam menyeru umatnya untuk sentiasa berbuat baik kepada ahli keluarga. Jadikanlah Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan dalam membina dan membentuk budi pekerti mulia. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN

Khaib sekali lagi ingin menyeru sidang Jemaah sekalian untuk menyemai nilai kasih sayang, akhlak mulia, sihat dan selamat, berilmu dan harmoni dalam keluarga kita yang menjadi teras kepada Negara Madani Keluarga Sejahtera.

Sejajar dengan itu, marilah kita turut serta menjayakan sambutan **Bulan Keluarga Kebangsaan** dengan upaya;

1. Menyemarakkan konsep keluarga kasih dari perspektif institusi kekeluargaan,
2. Meningkatkan sistem sokongan keluarga terutama dalam mensejahterakan dan memperkukuhkan ikatan kekeluargaan,
3. Mengeratkan hubungan silaturahim serta semangat Kerjasama atas semangat satu keluarga besar melalui penglibatan aktiviti-aktiviti dari pelbagai segmen dalam Masyarakat.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT

Menyimpul khutbah kita pada hari ini, mimbar menyeru sidang jemaah sekalian untuk sama-sama berusaha:

Pertama: Mengamalkan nilai KASIH dalam kehidupan kita dengan berlandaskan syariat Islam.

Kedua: Konsep negara MADANI yang memfokuskan untuk melahirkan serta mengukuhkan nilai-nilai individu dan masyarakat perlu disokong bagi mencapai kesejahteraan dan kemakmuran.

Ketiga: Pembentukan keluarga yang bahagia adalah dengan mematuhi Syariah Islam dan memupuk akhlak yang mulia dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai model ikutan.

Keempat: Asas pembentukan keluarga bahagia terbina dari pembudayaan cintakan ilmu, saling hormat menghormati dan saling bertoleransi dalam kehidupan bermasyarakat.

Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 74;

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ

إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Maksudnya: "Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تک س خطة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا

وَعَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكْوَعْ
وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْاَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللّٰهُمَّ هَذِهِ
الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ اَمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، اِنَّكَ رَءُوفٌ الرَّحِيْمُ.

اللّٰهُمَّ اِدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيْرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com